



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2/2025 MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/SYARIKAT KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

**UNTUK SIARAN SEGERA
21 JULAI 2025**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu 21 Julai 2025 (Isnin) setelah mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini merupakan pembentangan LKAN yang kedua dalam tahun 2025 di Parlimen.
2. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 [Akta 62] menghendaki **Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan badan dan syarikat Kerajaan.**
3. LKAN 2/2025 yang dibentangkan kali ini mengandungi hasil **pengauditan prestasi dan pematuhan aktiviti** kementerian/jabatan/agensi/syarikat Kerajaan Persekutuan oleh Ketua Audit Negara.
4. Ketua Audit Negara (KAN) telah mengemukakan sebanyak **22 syor audit** untuk dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang diaudit di peringkat Persekutuan.
5. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.

Pemeriksaan Institusi Audit

6. Kesemua isu yang dibangkitkan dalam LKAN ini akan dimuat naik dalam Sistem Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (Auditor General's Dashboard - AGD) untuk disusuli. Melalui pindaan Akta Audit 1957 [Akta 62] yang diluluskan oleh Parlimen tahun lepas, Ketua Audit Negara (KAN) diberi kuasa untuk menyusul tindakan yang telah diambil berhubung sebarang isu, syor, ulasan atau pandangan dalam LKAN selaras seksyen baharu 9A Akta 62.
7. Selain itu, Jabatan Audit Negara (JAN) juga telah memastikan isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN diambil tindakan melalui Jawatankuasa Susulan Laporan Ketua Audit Negara (JSLKAN) dan Jawatankuasa Tindakan Ketakteraturan Serius (JTKS) yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan secara bersama. Kedua-dua jawatankuasa ini dianggotai oleh Jabatan Peguam Negara (AGC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
8. Bagi tempoh tahun 2024 hingga bulan Jun 2025, susulan audit yang dilaksanakan oleh JAN telah berjaya membantu Kerajaan mendapat bayaran balik berjumlah RM157.73 juta, antaranya melalui tuntutan penalti, sewa tertunggak, kutipan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD), tunggakan pajakan tanah, kutipan duti dan cukai.
9. Di samping itu, pindaan Akta 62 juga memberi kuasa kepada KAN untuk mengaudit badan lain termasuk syarikat berdaftar yang menerima jaminan kewangan daripada Kerajaan; menjejaki dana awam melalui pendekatan baharu '*Follow The Public Money Audit*'; mengeluarkan sebarang garis panduan sekiranya perlu; dan memberikan sebarang syor dalam menangani sebarang penyelewengan yang serius untuk mengatasi penyalahgunaan wang awam.
10. Pindaan tersebut merupakan bukti komitmen Kerajaan dalam merealisasikan reformasi institusi dan memperkukuh tadbir urus negara. Langkah ini memperluas kuasa KAN serta meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban agensi awam, seterusnya memperkukuh keyakinan rakyat.
11. Mulai tahun 2025, JAN telah memperkenalkan sistem eSelfAudit yang dibangunkan secara dalaman bagi mengaudit 1,856 Syarikat Kerajaan yang diwartakan. Pengauditan terhadap Syarikat-syarikat Kerajaan ini akan dilaksanakan setiap tahun, selaras dengan perenggan 5(1)(d) Akta 62.

LKAN 2/2025 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan

12. LKAN ini memberi fokus kepada pengauditan prestasi dan pematuhan berdasarkan corak pengauditan yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 *Akta 62* serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI).
13. Sebanyak lima (5) pengauditan yang melibatkan tujuh (7) Kementerian dengan nilai kos keseluruhan program/aktiviti/projek yang diaudit berjumlah RM48.873 bilion dilaporkan. Skop pengauditan meliputi program/aktiviti/projek yang telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).
14. Rumusan terhadap pengauditan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:
 - 14.1. Berlaku ketakteraturan serius yang melibatkan tiga (3) pengauditan seperti berikut:
 - a. **Pengauditan Pematuhan Terhadap Perolehan Pajakan Ladang Sawit oleh FELCRA Berhad**
 - Kelemahan tatakelola dalam pelaksanaan perolehan pajakan satu ladang sawit di Sandakan, Sabah dan tiga (3) ladang sawit di Gua Musang, Kelantan melibatkan perolehan berjumlah RM241.76 juta dalam tempoh tahun 2022 hingga 2024.
 - b. **Pengauditan Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
 - Terdapat ketakteraturan yang serius serta kelemahan dalam proses perolehan tender dan tatakelola pengurusan perolehan di UKM melibatkan tiga (3) tender berjumlah RM58.45 juta.
 - Perkara ini berlaku apabila Jawatankuasa Perolehan Tender memilih syarikat yang tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal, Jawatankuasa Penilaian Kewangan dan Jawatankuasa Pra Tender.
 - c. **Pengurusan Kenderaan Perisai Tentera Darat Malaysia**
 - Kelemahan dalam pentadbiran kontrak dan pengurusan perolehan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 yang meliputi denda berjumlah RM162.75 juta belum dikutip daripada syarikat bagi kelewatan pembekalan GEMPITA dan denda berjumlah RM1.42 juta belum dikenakan terhadap syarikat bagi kelewatan perkhidmatan senggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti kenderaan perisai.

- Selain itu, didapati perolehan perkhidmatan senggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti kenderaan perisai berjumlah RM107.54 juta telah dilaksanakan secara pecah kecil.

14.2. Kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek disebabkan kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak berkaitan dan kelemahan polisi/prosedur kerja seperti berikut:

a. Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak

- Program minyak masak bersubsidi telah diperkenalkan sejak tahun 2007 oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dengan kuota Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) yang diluluskan berjumlah 85,405 mt sebulan. Pengurusan program ini diambil alih oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mulai tahun 2016 dengan pengurangan jumlah kuota kepada 60,000 mt sebulan.
- Walaupun terdapat usaha KPDN untuk terus mengurangkan kuota bekalan minyak masak bersubsidi sedia ada, masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan program minyak masak bersubsidi. Antaranya, tiada penetapan agihan minyak masak kepada golongan sasaran yang memerlukan dan layak diberi bantuan.
- Usaha KPDN untuk mengurangkan kuota bekalan minyak masak bersubsidi sejak 2016 wajar diteruskan. Tindakan tersebut dapat memberikan impak positif dalam usaha membanteras ketirisan melalui pengedaran yang lebih bersasar selaras dengan syor Audit.

b. Pematuhan Terhadap Perolehan Tender Terbuka Pra Kelayakan Terpilih (Pre-Q)

- Kaedah Perolehan Pre-Q Terpilih merupakan kaedah perolehan baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan (MoF) kepada semua kementerian/agensi melalui surat arahan MoF bagi perolehan projek kerja tahun 2023 dan 2024. Syarikat yang disaring dan lulus tapisan pada Peringkat Pertama akan dipelawa menyertai tender terbuka pada Peringkat Kedua. Kaedah perolehan ini bertujuan memastikan syarikat yang dipilih adalah kompetitif dan berdaya saing.
- Berdasarkan penemuan Audit, wujud ruang manipulasi dan ketidaktelusan dalam pemilihan syarikat. Ini kerana terdapat syarikat yang tidak memenuhi kriteria penilaian pada Peringkat Pertama atau tidak dipelawa tetapi terpilih dan dinilai pada Peringkat Kedua. Proses perolehan juga mengambil masa yang lama dan melebihi tempoh ditetapkan.

- Syor Audit supaya kaedah Perolehan Pre-Q Terpilih tidak wajar diteruskan dan kaedah perolehan tender terbuka adalah lebih sesuai dilaksanakan, bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam proses perolehan.

15. LKAN 2/2025 akan dimuat naik di Laman Web JAN selepas pembentangan di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di pautan <http://lkan.audit.gov.my> dan <https://agddashboard.audit.gov.my/> mulai 21 Julai 2025, pukul 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai laporan ini bolehlah di-e-mel kepada jbaudit@audit.gov.my.

#TransparensiAudit
#AuditTelusBerkhidmat
#LKANUntukRakyat
#RakyatDanAudit
#AuditDigital

DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI
KETUA AUDIT NEGARA
21 JULAI 2025

